

PEMBINAAN MODEL *FIQH AL-I'LAM* DALAM PENYAMPAIAN JAWAPAN HUKUM RUANGAN SOAL JAWAB AGAMA MEDIA MASSA DI MALAYSIA: SOROTAN LITERATUR

The Development of the Fiqh al-I'lam Model in Delivering Legal Rulings in Religious Q&A Columns of Mass Media in Malaysia: A Literature Review

Muhammad Asyraf Mohd Ridzuan¹

Muhd Imran Abd Razak^{2*}

Paiz Hassan³

Muhammad Yusri Yusof @Salleh⁴

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin⁵

¹ Center for Postgraduate Studies, UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia

(E-mail: asyrafriduzanphd@gmail.com)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia

(E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia

(E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia

(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Malaysia

(E-mail: mohdz560@uitm.edu.my)

*Corresponding author: imranrazak@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Ridzuan, M. A. M., Razak, M. I. A., Hassan, P., Yusof, M. Y., & Zainal Abidin, M. Z. H. (2025). The development of the fiqh al-i'lam model in delivering legal rulings in religious Q&A columns of mass media in Malaysia: A literature review. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 327 - 341.

Abstrak: Artikel ini membincangkan tentang keperluan pembinaan model fiqh al-i'lam sebagai pendekatan komunikasi Islam dalam penyampaian jawapan hukum melalui ruangan soal jawab agama media massa di Malaysia. Latar belakang kajian ini didorong oleh keperluan mendesak terhadap satu model penyampaian hukum yang lebih sistematik dan relevan dengan perkembangan media kontemporari serta realiti amalan media semasa. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis sorotan literatur berkaitan fiqh media, metodologi fatwa serta amalan soal jawab agama di Malaysia bagi merangka asas pembinaan model yang dicadangkan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen terhadap kajian-kajian terdahulu, artikel jurnal, laporan empirikal serta rekod penyampaian jawapan hukum di media. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya ruang kajian baharu dalam amalan penyampaian hukum melalui media massa sedia ada. Sorotan literatur mendapati terdapat ketidaksesuaian format komunikasi, kekurangan prinsip fiqh

media dan garis panduan penyampaian serta cabaran persepsi masyarakat terhadap autoriti penyampai. Kajian ini menyimpulkan bahawa pembinaan model *fiqh al-i'lam* adalah suatu keperluan yang signifikan untuk memperkasakan penyampaian hukum Islam secara efektif dan beretika melalui media massa.

Kata Kunci: *Fiqh al-i'lam*, media massa, jawapan hukum, soal jawab agama.

Abstract: *This article discusses the need for developing a fiqh al-i'lam model as an Islamic communication approach in delivering legal rulings through religious Q&A columns in Malaysia's mass media. The background of this study is driven by an urgent necessity for a more systematic and relevant model of legal ruling dissemination that aligns with contemporary media developments and current media practices. The main objective of this study is to analyse literature related to media fiqh, fatwa methodology, and the practice of religious Q&A in Malaysia, to establish the foundational basis for the proposed model. This study adopts a qualitative approach through document analysis of previous research, academic journal articles, empirical reports, and records of legal rulings disseminated via media platforms. The findings indicate a research gap in the current practice of delivering legal rulings through mass media. The literature review reveals issues such as inappropriate communication formats, the absence of media fiqh principles and delivery guidelines, and challenges related to public perception of the authority of the presenters. The study concludes that the development of the fiqh al-i'lam model is a significant necessity to strengthen the effective and ethical delivery of Islamic legal rulings through mass media.*

Keywords: *Fiqh al-i'lam*, mass media, legal rulings, religious Q&A.

Pengenalan

Secara umumnya, *fiqh al-i'lam* merujuk kepada perspektif hukum Islam berkaitan dengan media, komunikasi dan penyebaran maklumat. Ia merangkumi prinsip-prinsip dan garis panduan yang mengatur aktiviti media berdasarkan syariah, termasuklah etika pengamal media, kebebasan bersuara, tanggungjawab sosial media dan batasan-batasan yang perlu dipatuhi dalam pencarian serta penyebaran maklumat. Wacana fiqh ini mengalami perkembangan seiring peredaran zaman dan realiti setempat. Dengan perkembangan kemajuan dunia era Revolusi Industri 5.0, perbincangan tentang media dan Islam menjadi semakin rumit dan kompleks. Termasuk dalam aspek keagamaan masyarakat, pelbagai platform media kontemporari telah menyediakan ruangan soal jawab agama yang melibatkan para agamawan terpilih. Justeru, kajian literatur ini menganalisis kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembangunan model *fiqh al-i'lam* dan ruangan soal jawab agama yang sedang dibangunkan oleh pengkaji.

Paiz Hassan

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya dengan berpandukan kepada dokumen-dokumen lepas secara kolektif. Pengkaji menggunakan instrumen dokumen untuk mengenal pasti kelompongan yang terdapat dalam kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pembinaan model *fiqh al-i'lam* dan penyampaian jawapan hukum di media massa. Selain itu, pengkaji turut dapat mengenal pasti isu-isu atau masalah yang timbul berkaitan amalan soal jawab agama di Malaysia. Tidak terkecuali, pengkaji turut merujuk rekod-rekod bertulis dan digital berkaitan jawapan-jawapan hukum yang pernah dikeluarkan bagi memahami realiti

sebenar soal jawab agama dan metode penyampaian hukum yang digunakan. Ianya penting bagi memastikan relevansi kajian ini dilaksanakan, iaitu membina suatu model baharu yang boleh dijadikan rujukan atau panduan signifikan terhadap para panelis dan pengamal media yang bertanggungjawab berkaitan soal jawab agama dan penyampaian jawapan hukum di negara ini.

Selepas itu, pengkaji mengaplikasikan metode analisis dokumen bagi menilai setiap dokumen yang telah dikumpulkan. Analisis dokumen sering digunakan dalam kajian kes kualitatif yang merupakan satu kajian intensif yang menghasilkan deskripsi yang banyak mengenai sesuatu fenomena, peristiwa, organisasi atau program (Yin, 2016). Ia menghendaki data diteliti dan ditafsirkan untuk mendapatkan makna, memperoleh pemahaman dan mengembangkan pengetahuan empirikal (Bowen, 2009). Data laporan, jurnal dan lain-lain merupakan sumber data empirikal yang berpotensi untuk kajian kes dan dokumen-dokumen ini dapat membantu pengkaji dalam memberikan maklumat tambahan mengenai subjek kajian, meluaskan lagi pemahaman, mengenal pasti isu yang telah dibincangkan, menyokong dapatan kajian serta dapat membuat perbandingan dan persamaan dalam merungkai isu yang relevan dengan permasalahan kajian (Merriam, 1998). Secara umumnya, pengkaji mengaplikasikan beberapa langkah dasar dalam proses analisis dokumen ini, iaitu pengkodan dan pengkategorian, interpretasi dan analisis tematik.

Sorotan literatur

Bertepatan dengan maksud Islam sebagai sebuah agama yang bersifat *syumul* dan komprehensif, sudah tentu Islam turut menyediakan pelbagai garis panduan umum untuk berinteraksi dengan maklumat-maklumat yang diperoleh sesama manusia, lebih-lebih melibatkan soal hukum agama. Garis panduan tersebut meliputi persoalan kredibiliti sumber seperti yang diterangkan oleh Allah SWT dalam surah al-Hujurat, ayat 6, kaedah perolehan berita (al-Isra': 36; al-Nahl: 43) serta metode penyampaian sesebuah maklumat kepada masyarakat dengan kaedah terbaik (Bukhari: 2034).

Garis-garis panduan yang terdapat dalam al-Quran dan Hadis tersebut sepatutnya menjadi panduan asas bagi pencarian dan penyebaran sesuatu maklumat berkaitan hukum di media. Namun begitu, kondisi realiti dan persekitaran semasa serta implementasi undang-undang yang berbeza memungkinkan berlakunya cabaran dalam pelaksanaannya. Kajian ini memfokuskan terhadap relevansi pembinaan sebuah model fiqh bagi pengurusan maklumat dan penyampaian jawapan hukum kepada masyarakat, khususnya dalam konteks amalan media di negara Malaysia. Justeru, pengkaji menelusuri kajian-kajian lepas bagi mengenalpasti keperluan serta menjelaskan tentang ruang kajian yang relevan untuk diisi oleh kajian ini berdasarkan hasil-hasil dapatan kajian yang telah dilaksanakan.

Untuk itu, pengkaji memberikan fokus kepada tema-tema kajian yang utama, iaitu media dan Islam, metodologi fatwa serta jawapan hukum. Pengkaji memilih kajian media dan Islam kerana ia lebih berfokus dengan tema utama kajian ini. Manakala, kajian metodologi fatwa dipilih kerana ia mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan kaedah penyampaian jawapan hukum. Kesemua tema asas diuraikan melalui sub-sub tema yang dikenal pasti mempunyai perkaitan langsung. Walaupun kajian-kajian lepas tersebut diberikan penekanan khusus dalam konteks negara Malaysia, pengkaji turut mengenal pasti kajian-kajian yang relevan di peringkat global bagi mendapatkan gambaran keseluruhan kajian yang pernah dilaksanakan sebelum ini.

Kajian berkaitan media dan Islam di Malaysia

Secara umumnya, kajian berkaitan media dan Islam di Malaysia bukanlah sesuatu yang baru atau asing dilaksanakan. Terdapat pelbagai kajian serta penulisan lepas yang telah membincangkan hal tersebut daripada pelbagai dimensi. Pengkaji mendapati, kajian-kajian berkaitan Islam dan media di Malaysia banyak didominasi oleh aspek dakwah walaupun terdapat kajian-kajian yang turut menyentuh sudut yang lain seperti Syariah dan hukum. Menelusuri hal tersebut, kajian-kajian yang dilakukan banyak menyentuh berkaitan perkembangan serta fungsi media sebagai medium dakwah, keberkesanan dakwah digital, analisis filem-filem dan pelbagai sudut yang lain yang melibatkan dimensi media massa dan juga media sosial.

Kajian prospek media sebagai medium dakwah

Dari sudut fungsi dan prospek media sebagai medium dakwah, pada tahun 2013, terdapat sebuah artikel tulisan Nur Hidayah Mohd Abd Malik, Norhidayatul Akmal Mohamad, Mohd Amir Mursyid Abdul Rahman dan Md Rozalafri Johori bertajuk “Strategi Dakwah Dalam Menghadapi Peperangan Maklumat” telah diterbitkan. Metodologi penulisan adalah kualitatif dengan melakukan analisis terhadap dokumen atau literatur yang lepas. Penemuan atau hasil yang diperoleh dalam artikel tersebut adalah propaganda yang dibawa oleh media massa yang dikuasai pihak yang berkepentingan serta memiliki agenda tersendiri untuk memastikan masyarakat dunia terpengaruh dengan isu Islamophobia. Media massa yang merupakan medium yang menerima dan menyampaikan maklumat seharusnya dibatasi dengan disiplin ilmu yang kukuh agar maklumat yang tersebar adalah adil dan benar. Para penulis melihat agenda dakwah Islamiah haruslah tersusun secara sistematik serta dipergiatkan menerusi media massa untuk menangkis propaganda Islamophobia dengan menggunakan prinsip Machiavelli terhadap masyarakat dunia. Kajian yang dilakukan oleh Berhanundin Abdullah, Abdul Qahhar Ibrahim, Ahmad Faizol Ismail & Muhamad Nurul Hafiz Abdul Latif bertajuk “Dakwah Digital dalam Perkembangan Islam di Malaysia” pula telah menghuraikan tentang metodologi penyebaran dakwah yang mengalami perubahan seiring dengan perubahan zaman. Dalam artikel yang diterbitkan pada tahun 2022 tersebut, para penulis telah mencadangkan penggunaan pendekatan pendidikan bagi membawa mesej Islam dengan lebih meluas termasuk kepada bukan Islam. Hasil kajian secara deskriptif menekankan pentingnya dakwah digital dimanfaatkan sebaik kerana ia lebih mudah, cepat dan berkesan.

Sehubungan itu, artikel yang ditulis oleh Aini Maznina A. Wahab pada tahun 2018 yang bertajuk “Dakwah Melalui Media Baharu di Malaysia: Peluang atau Cabaran?” telah membincangkan tentang potensi media baharu dalam penyampaian dakwah. Penulis yang menggunakan metode kualitatif menganalisis literatur lepas mendapati bahawa media baharu berperanan penting dalam mengajak orang bukan Islam untuk menerima mesej Islam. Ia juga signifikan untuk membantu orang Islam memahami ajaran agama Islam dengan lebih mendalam. Di sebalik kesan negatifnya, perkembangan media baharu yang pantas di zaman teknologi ini dilihat mempunyai keupayaan untuk menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan jika digunakan dengan cara yang betul. Manakala kajian yang dilakukan oleh Muhammad Fairman Haronzah, Inthiran Mani dan Wan Hassan Wan Embong (2019) yang bertajuk “Media Sosial dan Facebook Menurut Islam” pula telah menerangkan jenis-jenis media sosial dan bagaimana ia berkembang. Lebih khusus, kajian membincangkan berkaitan sejarah penubuhan Facebook, faedah dan kelemahan serta peranannya. Pengkaji kemudiannya telah menjelaskan Facebook berperanan signifikan dalam menyampaikan dakwah Islam.

Selain daripada itu, antara kajian yang membincangkan tentang keberkesanan penggunaan media sosial bagi tujuan dakwah dapat dilihat melalui artikel tulisan Noradilah Abd Wahab, Najmi Muhamad dan Mohd Sani Ismail (2019) yang bertajuk “Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Masa Kini.” Dalam kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif tersebut, para penulis menegaskan bahawa penggunaan strategi dakwah melalui media sosial dianggap lebih berkesan kerana ia mempunyai keupayaan untuk menjangkau khalayak yang luas. Masyarakat Malaysia pada masa kini umumnya mempunyai akses internet tanpa had masa dan tempat. Untuk memastikan mesej dakwah disampaikan dengan betul, pendakwah zaman moden juga perlu menjadi lebih inovatif dan bersedia untuk berinteraksi dengan masyarakat supaya dakwah mereka dapat diterima dengan baik. Penulisan tersebut turut disokong oleh banyak kajian lain. Misalnya Zainab Zakirah Abd Halim *et al.* (2019) telah menulis sebuah artikel yang bertajuk “Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam” yang telah mengkaji trend penggunaan media sosial dalam pelbagai bidang. Kajian yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan ini mendapati media sosial telah memainkan peranan penting dan terkini meliputi penyebaran ilmu dan maklumat, ideologi, perniagaan dan juga bagi tujuan dakwah. Di samping itu, kajian ini juga membincangkan penggunaan media sosial sebagai platform atau pengantara untuk sistem pendidikan moden.

Turut membincangkan hal yang sama adalah kajian yang dilakukan oleh Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar dan Hasmadi Hassan pada tahun 2021. Artikel yang bertajuk “Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam dalam Kalangan Penduduk Kampung Berserah, Kuantan, Pahang” mengenal pasti tentang penggunaan media sosial bagi tujuan berdakwah. Kajian tersebut dilakukan kerana para penulis melihat pengguna media sosial terdedah kepada maklumat yang bebas yang boleh membawa kepada kekeliruan, penyebaran ajaran sesat dan juga fahaman ekstremisme. Kajian dilakukan oleh penyelidik yang dilakukan di Kampung Berserah, Kuantan menggunakan metode kuantitatif dengan penglibatan 100 orang responden. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa media media sosial menjadi platform penting bagi mencapai matlamat dakwah pada masa kini. Para responden secara umumnya menerima pendekatan dakwah yang bersifat kekinian begitu penting diterapkan dalam penyampaian mesej dakwah. Justeru, tindakan proaktif perlu diambil untuk mewujudkan pendekatan dakwah yang lebih berkesan, interaktif dan inovatif.

Sehubungan itu, terdapat sebuah kajian yang diterbitkan pada tahun 2023 bertajuk “Peranan Media Digital dalam Dakwah Kontemporari Bagi Membentuk Kesepaduan Nasional Masyarakat di Malaysia.” Artikel yang ditulis oleh Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim dan Mohd Nasrun Mohd Talib ini membincangkan tentang peranan dan tanggungjawab media digital dalam menyatukan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia untuk saling berhubung, menerima idea serta meraikan pendapat yang berbeza. Kajian tersebut juga mengkaji faktor-faktor yang menjadi halangan kepada media zaman kini dalam mewujudkan kesepaduan nasional di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa media digital memainkan empat peranan dalam dakwah kontemporari, iaitu menarik lebih ramai pendengar, menghubungkan masyarakat, berkongsi dan bertukar diskusi dengan mad‘u dari pelbagai latar belakang dan golongan saudara baharu mudah menerima dakwah kontemporari. Dalam konteks kekangan media digital dalam dakwah moden, pengkaji mendapati empat halangan utama kepada kesepaduan negara, termasuk ketiadaan peranti untuk mengakses media massa, kurang pemahaman tentang cara penggunaan teknologi, fakta agama serta kandungan video yang terlalu bebas, tidak betul serta tidak tepat.

Selain daripada itu, terdapat juga kajian yang membincangkan berkaitan pengaruh dan implikasi media terhadap akhlak masyarakat. Kajian jenis ini boleh dilihat melalui artikel tulisan Wan Norina Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff dan Ahmad Ariffin Sapar pada tahun 2013. Kajian mereka bertajuk “Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia”. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap pendedahan media dalam kalangan pelajar politeknik. Untuk itu, mereka mengenal pasti hubungan antara media pendedahan dan gaya hidup pelajar muslim di politeknik. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif dalam kalangan 397 orang pelajar di politeknik terpilih di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan para pelajar terdedah kepada pelbagai bahan-bahan yang positif dan negatif kerana kekerapan melayari internet yang tinggi. Walaupun dapatan kajian menunjukkan hanya segelintir yang terkesan dengan akhlak negatif, pengaruh media massa yang signifikan perlu diberikan perhatian kerana ia menjadi tumpuan generasi muda dalam setiap keadaan. Menyokong hal tersebut, kajian Muhammad Khairul Nizam Jensani, Kumanan Eswaran dan Sulaiman Shakib Mohd Noor (2019) bertajuk “Media Sosial dan Pembentukan Budaya Menurut Islam” turut menegaskan bahawa media sosial mempunyai kesan yang besar terhadap pembentukan budaya dalam era globalisasi ini. Media sosial merupakan medium yang digunakan oleh pengguna secara atas talian untuk menyertai, berkongsi, dan mencipta isi. Kerana fungsinya sebagai agen yang membantu mencorakkan budaya masyarakat, ia mesti membawa masyarakat ke arah kebaikan yang mengandungi elemen *al-bir* (kebajikan) dan *al-taqwa*.

Begitu juga kajian yang telah dijalankan oleh Nor Jefri *et al.* (2019) bertajuk “Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam.” Kajian tersebut bertujuan untuk memberikan penerangan dan penjelasan tentang penggunaan media sosial dalam masyarakat menurut perspektif Islam. Para penulis menggunakan hadis Nabi SAW untuk menerangkan penggunaan media sosial, pembentukan masyarakat, asas masyarakat Islam, identiti media dan budaya. Kajian kualitatif yang dijalankan mereka telah mendapati bahawa media sosial memang mempunyai pengaruh yang kuat dalam pembentukan masyarakat pada masa kini dari pelbagai sudut termasuk identiti, sosial dan politik. Pada tahun 2021, terdapat sebuah artikel bertajuk “Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial Dan Perkembangan Teknologi” ditulis oleh Nurzatil Ismah binti Azizan, Nazneen Ismail, Siti Mursyidah Mohd Zin dan Nur Fatimah Zainuddin. Kajian mereka menganalisis perkaitan di antara persekitaran dan teknologi dengan perkembangan akhlak para remaja dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa elemen tauladan, pemerhatian dan peniruan, kelaziman dan kebiasaan, ganjara dan denda serta nasihat adalah halangan utama dalam membentuk akhlak remaja. Selain itu, perkembangan teknologi, terutamanya penggunaan media sosial yang tidak dapat dikawal sepenuhnya menyebabkan sukar untuk membezakan kesan positif dan negatif platform media sosial.

Daripada sudut yang lain, terdapat juga kajian yang membincangkan tentang kebebasan media menurut perspektif Islam. Pada Tahun 2019, Aminudin Basir @Ahmad, Mohamad Sabri Haron dan Nik Yusri Musa menulis sebuah artikel bertajuk “Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam.” Dalam membahaskan berkaitan kebebasan media sebagai alat komunikasi, para penulis menjelaskan bahawa tiada suatu bentuk kebebasan mutlak dalam pengamalan media di seluruh dunia. Bagi mengekalkan kepentingan masyarakat awam dan keselamatan negara, kebebasan media mesti bergerak dalam lingkungan undang-undang sambil mengekalkan prinsip moral dan etika yang tinggi. Penulis juga menjelaskan, media berperanan penting dalam pembentukan budaya masyarakat. Tanpa kawalan sendiri dan undang-undang, media komunikasi berpotensi merosakkan norma-norma positif dalam masyarakat. Justeru,

para penulis mencadangkan kaedah-kaedah ilmu fiqh yang boleh menjadi panduan dalam amalan kebebasan media komunikasi. Kajian-kajian berkaitan prospek serta kepentingan media sebagai medium dakwah signifikan dengan kajian pengkaji, namun perbahasannya hanya melibatkan pengukuhan teori media dan dakwah secara umum, sedangkan kajian pengkaji memfokuskan kepada pembinaan model media dalam penyampaian jawapan hukum secara khusus.

Kajian tentang teori komunikasi Islam

Melihat daripada perspektif media dan komunikasi, terdapat kajian-kajian yang berfokus kepada pembinaan teori model media komunikasi menurut perspektif Islam. Misalnya pada tahun 1996, Hamid Mowlana dalam bukunya “Global communication in transition: The end of diversity?” telah memberikan takrif model komunikasi Islam sebagai proses pemberitaan di negara Islam. Model ini berbeza dengan model-model komunikasi di Barat dengan menumpukan kepada nilai-nilai negara Islam Iran. Menurut Mowlana, model acuan Iran ini wajar diangkat sebagai model Islam yang holistik kerana dianggap berdasarkan al-Quran, Sunnah dan juga Syariah. Sebelum itu, dalam sebuah buku bertajuk “Communication and Cultural Settings: An Islamic Perspective”, beliau telah menegaskan bahawa struktur komunikasi Islam mesti mengandungi empat elemen: konsep tauhid (atau takut kepada Allah yang satu), keinginan untuk menerbitkan bahan media yang bertanggungjawab dan boleh membimbing khalayaknya, idea tabligh dan prinsip takwa yang merupakan takut kepada Allah. Justeru, terdapat perbezaan ketara antara propaganda Barat dan sistem komunikasi Islam. Islam tidak membenarkan propaganda untuk dilaksanakan berbanding sistem media di Barat yang bersifat sebaliknya. Walaupun pandangan Mowlana tersebut mempunyai asasnya yang tersendiri, Khiabany dalam kajiannya pada tahun 2003 bertajuk “De-westernizing Media Theory, or Reverse Orientalism: ‘Islam Communication’ as theorized by Hamid Mowlana” telah mengkritik model Mowlana ini kerana mengabaikan hakikat bahawa proses komunikasi dalam sebuah negara Islam seperti Iran tidak boleh digeneralisasi dengan proses komunikasi dalam negara Islam lain. Menurut pengkaji tersebut, pengenalan model komunikasi Islam oleh Mowlana hanya bergantung pada pengalaman Iran semata-mata. Mowlana turut dikritik kerana berpandangan ‘Islam’ sebagai sebuah ‘model monolitik’, iaitu satu agama yang melahirkan masyarakat yang serupa sedangkan tidak wujud masyarakat Islam yang mempunyai ciri-ciri yang sama di mana-mana bahagian dunia akibat perbezaan budaya.

Pada tahun 2011, Semati dalam kajiannya bertajuk “Communication, Culture and The Essentialized Islam” turut mengkritik Mowlana kerana dengan mudah melabelkan kerajaan Iran sebagai sebuah negara yang melaksanakan ‘komunikasi Islam.’ Penulis menjelaskan bahawa pandangan Mowlana yang mendakwa pengoperasian dan siaran Islamic Republic of Iran Broadcasting (IRIB) sebagai contoh terbaik pusat penyiaran yang berbentuk Islam adalah tidak tepat kerana stesyen tersebut sering menggunakan muzik pop yang tidak diterima sebagai sebahagian ajaran Islam. Kemudian, pengkaji-pengkaji terkemudian seperti Siti Suriani Othman *et al.* (2021) turut melihat kepentingan menganalisis dan mengambil kira elemen tempatan dalam pengenalan sebarang model komunikasi Islam. Dalam kajian bertajuk “Pembinaan Model Pemberitaan Islam di Malaysia”, Othman dan rakan-rakan telah mencadangkan pembinaan sebuah model penyampaian berita mengikut acuan tempatan yang menyepadukan di antara dua sistem pendidikan iaitu sistem pendidikan Islam dengan sekular. Para penulis artikel melihat ia wajar dibangunkan kerana realiti Malaysia yang unik dan berbeza dengan model komunikasi Islam Iran anjuran Mowlana. Kajian Othman *et al.* tersebut mempunyai persamaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji daripada sudut pembangunan model berkaitan media. Namun begitu, kajian pengkaji mengkhususkan kepada

skop penyampaian jawapan hukum oleh pendakwah dalam ruangan media massa konvensional sedangkan kajian mereka kepada pembangunan model kewartawanan yang lebih umum.

Melihat sudut yang berbeza, pada tahun 2015, terdapat juga kajian yang mengkaji tentang fungsi media dalam penyampaian fatwa kepada masyarakat. Contohnya dapat dilihat melalui kajian bertajuk “Penggunaan Media Baharu Sebagai Wasilah Penyampaian Fatwa kepada Masyarakat: Kajian Awal di Negeri Selangor.” Kajian tersebut telah dilakukan oleh Siti Nurunnajwa Shamsudin, Irwan Mohd Subri & Nuradli Ridzwan Shah Mohd menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Hasil kajian telah mendapati bahawa penggunaan media baharu seperti laman sesawang, Facebook dan YouTube oleh Jabatan Fatwa Negeri Selangor bagi menyampaikan fatwa kepada masyarakat ketika itu masih belum mendapat perhatian daripada masyarakat. Pihak pengendali disarankan menggiatkan usaha bagi mempromosikan medium media baharu yang telah digunakan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Kajian sebegini dilihat signifikan dan mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Namun begitu, kajian pengkaji memfokuskan terhadap metode penyampaian jawapan hukum dan juga media massa yang lebih konvensional.

Kajian Metodologi Fatwa & Keberkesannya di Malaysia

Kajian tentang fatwa telah banyak dilaksanakan menyentuh soal sejarah dan latar belakang, autoriti dan perundangan, pengurusan dan pentadbiran, keberkesanan serta metodologi-metodologi umum dan khusus. Menurut kajian Rosidi, Mokhtar & Majid pada 2021, dalam tempoh 10 tahun, pengkalan data Scopus sahaja telah mencatatkan 28 artikel berindeks khusus berkaitan fatwa di Malaysia. Dengan adanya pusat-pusat kajian yang khusus berkaitan fatwa seperti di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan lain-lain, kajian-kajian lepas tentang fatwa tentunya lebih banyak ditemukan dalam pelbagai makalah jurnal berindeks serta tidak berindeks. Justeru, bagi sorotan literatur ini, pengkaji memilih untuk memberikan fokus kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan berkaitan metodologi pengeluaran fatwa serta keberkesannya di Malaysia kerana ia mempunyai kaitan secara langsung dengan metode penyampaian jawapan hukum yang menjadi antara subjek utama dalam pembangunan model fiqh al-I‘lam yang relevan dengan konteks Malaysia.

Kajian metodologi fatwa di Malaysia

Pada dasarnya, antara kajian terawal berkaitan metodologi fatwa di Malaysia boleh ditemukan dalam penulisan Othman Ishak pada tahun 1981 yang bertajuk “Fatwa dalam Perundangan di Malaysia.” Othman Ishak telah membincangkan melalui kajian literatur tentang kedudukan fatwa dalam undang-undang Islam di negeri-negeri Melayu daripada sudut sejarah dan interpretasi. Hasil kajiannya mendapati, keputusan-keputusan hukum yang telah dibuat masih diperdebatkan di pelbagai peringkat dan sebahagiannya tidak diiktiraf oleh masyarakat termasuk agensi yang ditadbir oleh kerajaan. Kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti adalah tiadanya keselarasan fatwa, rujukan fatwa yang kurang memuaskan, ahli jawatankuasa fatwa yang tidak mempunyai keahlian khusus dan tidak melibatkan semua mazhab. Beliau kemudiannya mencadangkan langkah-langkah agar fatwa dapat diterima dengan baik oleh masyarakat. Walaupun kajian Othman Ishak dilihat menyentuh pelbagai aspek, ia tidak menghuraikan secara terperinci tentang metodologi pengeluaran fatwa yang telah digunakan oleh pihak berautoriti.

Pada tahun 1991, Abdul Hamid @ Yusuff Yunus telah menjalankan kajian di peringkat Sarjana tentang metodologi fatwa. Kajian beliau yang bertajuk “Ijtihad dan Amalannya dalam Pembinaan Fatwa di Malaysia” telah menggunakan pendekatan kualitatif dengan membahaskan

tentang metode ijtihad yang telah diaplikasikan dalam pengeluaran fatwa di Malaysia secara umum. Hasil kajiannya mendapati terdapat ruang ijtihad yang boleh dimanfaatkan bagi memperkasakan Syariah dan pengeluaran hukum di Malaysia. Namun begitu, metodologi khusus berkaitan instrumen ijtihad tidak diperincikan dalam kajian ini. Pada tahun 1999, sebuah disertasi hasil kajian Saipul Anuar Mohd Yusof cuba melihat instrumen ijtihad secara khusus. Disertasi beliau yang bertajuk “Sadd al-Dharai’ Sebagai Sumber Fatwa: Kajian Terhadap Pemakaiannya dalam Fatwa-Fatwa Negeri Selangor” yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya tersebut telah menjelaskan peranan metod Sadd al-Dharai’ dalam keputusan-keputusan fatwa di negeri Selangor. Hasil kajian mendapati metode Sadd al-Dharai’ telah digunakan dalam pengeluaran fatwa apabila terdapat masalah yang difikirkan sesuai oleh jawatankuasa fatwa di negeri tersebut.

Seterusnya, pada tahun 2002, Noor Naemah Abd Rahman telah memperincikan pula tentang ruang-ruang ijtihad dalam amalan pengeluaran fatwa di Malaysia. Kajian beliau yang bertajuk “Ruang Ijtihad dalam Amalan Fatwa di Malaysia: Sorotan dari Sudut Pentadbiran” telah memfokuskan tentang ruang-ruang yang ada dari sudut peruntukan undang-undang dan pentadbiran di samping realiti amalan jawatankuasa fatwa. Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya ini berkait rapat dengan penghasilan tesis peringkat Doktor Falsafah bertajuk “Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis.” Analisis kajian mendapati amalan ijtihad berlaku dalam ruang lingkup peruntukan enakmen di Malaysia secara umumnya dan negeri Kelantan secara khususnya. Keluasan ruang ijtihad juga dibantu oleh pandangan ahli jawatankuasa serta keterbukaan mufti negeri yang mempunyai autoriti tertinggi.

Selepas itu, Mohd Nor Hashri Junoh pada tahun 2003 telah menghasilkan sebuah kajian di peringkat Sarjana dengan tajuk “Analisis Pendekatan Ijtihad dalam Fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan.”. Kajian beliau yang beraspirasikan kajian Noor Naemah Abd Rahman sebelumnya telah meneliti pendekatan Ijtihad dalam penghasilan fatwa-fatwa di negeri serambi Mekah tersebut. Pada tahun yang sama juga Mohd Marbawi Taha telah menghasilkan kajian bertajuk “Pendekatan Ijtihad Dalam Fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu”. Metod kualitatif dengan analisis kepustakaan dan dokumen jelas diaplikasikan dalam kajian ini, sama seperti kajian Mohd Hashri Junoh. Hasil kajian juga menunjukkan hasil yang hampir sama dengan ruang ijtihad dilihat dari sudut peruntukan enakmen dan diterima secara bersyarat dalam pengamalan fatwa negeri Terengganu.

Kemudian, Mohd Hamidi Zakaria pada tahun 2004 pula telah melakukan kajian bertajuk “Analisis Fatwa-Fatwa Muamalat Semasa dari Tahun 1980 hingga sekarang: Kajian Terhadap Fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.” Beliau telah menganalisis teks fatwa muamalat antara tahun 1980 hingga 2002 dengan memfokuskan kepada fatwa-fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pendekatan kualitatif secara analisis kandungan dilakukan bagi mengenalpasti metodologi hukum, sumber rujukan dan pewartaan fatwa-fatwa tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa metodologi hukum tidak disertakan dalam teks fatwa yang dikaji, malah sumber rujukan fatwa tidak dinyatakan. Dapatan kajian menunjukkan konsistensi dengan penemuan-penemuan pengkaji terdahulu yang menemui beberapa kelemahan daripada sudut pengurusan amalan fatwa di peringkat jabatan mufti.

Daripada sudut yang lain pula, Nurwahida Ahmad Ludin pada tahun 2004 telah mengkaji berkaitan “Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah: Analisis Terhadap

Fatwa Mu‘amalat.” Dalam kajian kualitatifnya, beliau mendapati bahawa terdapat banyak rujukan daripada fatwa-fatwa berkaitan muamalat yang dikeluarkan diambil daripada kitab-kitab fiqh pelbagai mazhab. Namun begitu, keutamaan rujukan didapati masih kepada kitab-kitab dalam mazhab Shafi‘i. Hal sedemikian adalah bertepatan dengan peruntukan akta pengeluaran fatwa negeri Kedah yang menjadikan mazhab Syafi‘i sebagai rujukan utama sebelum berpindah kepada rujukan mazhab lain jika terdapat masalah yang lebih besar.

Pada tahun 2008, Hasnan Kasan telah menghasilkan sebuah buku bertajuk “Institusi Fatwa di Malaysia”. Dalam bukunya, Hasnan telah mengkritik institusi fatwa di Malaysia yang masih lagi mempunyai beberapa kelemahan, antaranya hujah pengeluaran hukum yang boleh dipertikaikan, dalil-dalil yang tidak jelas dan lain-lain. Selaras dengan itu, pada tahun 2009, Rahimin Affandi Abdul Rahim *et al.* pula telah menghasilkan kertas kajian bertajuk “Ijtihad Dalam Institusi Fatwa di Malaysia”. Kajian beliau yang turut menggunakan metod secara kualitatif mendapati bahawa ijtihad telah memainkan peranan yang begitu signifikan dalam tradisi keilmuan Islam. Namun begitu, beberapa kelemahan daripada sudut profesionalisme dan pengurusan institusi fatwa boleh merencatkan perkembangan ijtihad. Justeru, pengkaji kemudiannya telah mencadangkan langkah-langkah pemerkasaan ijtihad dan Syariah dalam institusi fatwa di Malaysia.

Pada tahun 2009 juga, Noor Naemah Abd Rahman bersama Mohd Akram Dahaman telah menghasilkan penulisan kajian bertajuk “Pengaruh Keperluan Semasa dan Setempat dalam Fatwa: Faktor-Faktor Pengubah dalam Konteks Malaysia dan Singapura”. Para penulis telah meneliti faktor-faktor realiti yang menjadi pembolehubah fatwa yang diputuskan di Malaysia dan juga di negara Singapura. Kajian mereka juga menggunakan pendekatan kualitatif secara keseluruhannya. Kajian Noor Naemah tersebut mempunyai perkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh Irwan Mohd Subri pada tahun 2011. Beliau yang telah menghasilkan sebuah tesis peringkat Doktor Falsafah yang bertajuk “Al-Fatawa al-Shar’iyyah wa Ishkaliyyat al-Fiqhiyyah al-Thabat wa al-Taghayyur: Dirasat Tatbiqiyyah fi al-Waqi‘ al-Maliziyy” telah memperincikan tentang syarat-syarat pengeluaran dan perubahan fatwa di Malaysia. Kajian yang menggunakan metode kualitatif ini telah memberikan fokus terhadap beberapa keputusan fatwa Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan dan badan fatwa terpilih negeri di Negara Malaysia dengan menilai justifikasi serta dhawabit penghasilan fatwa-fatwa tersebut. Pada tahun 2012, sebahagian hasil tesis tersebut telah dibukukan dengan tajuknya “Al-Ahkam wa al-Fatawa al-Shar’iyyah bayna al-Thabat wa al-Taghayyur.”

Selanjutnya pada tahun 2018, Hisan Abdul Halim, Azman Ab Rahman dan Abdul Manan Ismail telah menghasilkan kajian bertajuk “Amalan dan Kaedah Pengeluaran Fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan: Analisis Awal.” Kajian mereka menggunakan metodologi kualitatif dengan menganalisis dokumen-dokumen dan temubual separa struktur bersama pihak berautoriti di dalam isu ini. Kajian mereka mempunyai kaitan dengan kajian-kajian metodologi fatwa di negeri Kelantan seperti yang telah dilaksanakan sebelum itu. Kajian mereka mendapati bahawa, terdapat beberapa perbezaan dalam amalan dan prosedur untuk mengeluarkan fatwa dibandingkan dengan enakmen yang diguna pakai di Kelantan. Namun, secara keseluruhannya, Jawatankuasa fatwa di negeri kelantan merujuk kepada semua qaul sama ada muktamad atau tidak dalam mazhab Syafi‘i terlebih dahulu sebelum beralih kepada qaul muktamad dalam mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

Pada tahun 2019, ‘Adnin Ibrahim *et. al* pula telah menghasilkan artikel bertajuk “Pelaksanaan Ijtihad Kolektif di Malaysia.” Kajian mereka bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan ijtihad

kolektif di Malaysia, khususnya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia (JFKM). Kajian mereka menggunakan kaedah kualitatif dengan metode analisis dokumen secara induktif dan deduktif telah diaplikasikan. Hasil kajian mereka mendapati bahawa terdapat pelbagai cara bagi pelaksanaan ijtihad kolektif dalam berfatwa di Malaysia. Ini disebabkan oleh fakta bahawa terdapat perbezaan enakmen di peringkat negeri-negeri bagi menentukan keahlian jawatankuasa dan juga prosedur pengeluaran fatwa. Kajian-kajian berkaitan metodologi fatwa dilihat signifikan dengan kajian yang sedang dilaksanakan oleh pengkaji, namun kajian pengkaji lebih memfokuskan kepada amalan penyampaian jawapan hukum di media massa, bukan pengeluaran dan penyampaian fatwa secara umum.

Kajian tentang keberkesanan fatwa di Malaysia

Melihat daripada sudut keberkesanan amalan fatwa di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang telah dikenal pasti mempunyai hubung kait yang signifikan dengan kajian ini. Antaranya ialah kajian yang dilakukan pada tahun 2011 oleh Farawahida Mohd Yusof. Beliau telah menulis sebuah buku yang bertajuk “Fatwa Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia”. Dalam buku tersebut, beliau telah membincangkan tentang masalah yang dihadapi oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Fatwa Kebangsaan dan negeri-negeri di Malaysia dalam menghadapi penyebaran ajaran-ajaran sesat. Berpandukan metode kualitatif, kajian juga telah membincangkan tentang potensi dan prospek fatwa dalam menangani doktrin ajaran sesat yang semakin berkembang. Dapatan kajian kemudiannya turut mencadangkan kaedah-kaedah bagi mengukuhkan institusi fatwa di peringkat persekutuan dan negeri bagi menyekat doktrin tersebut dengan lebih berkesan.

Daripada sudut penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat di Malaysia pula, terdapat beberapa kajian yang menjelaskan hal tersebut. Antara yang terawal adalah kajian Othman Ishak pada tahun 1981 yang merumuskan tahap penerimaan masyarakat masih di tahap yang kurang memberangsangkan. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Raihanah Abdullah pada tahun 2004 yang bertajuk “Fatwa dan Masyarakat”. Beliau merumuskan penerimaan masyarakat terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh institusi mufti masih berada pada tahap yang rendah. Dapatan kedua-kedua literatur tersebut turut disokong oleh penulisan Hasnan Kasan pada 2008 seperti yang telah disebutkan pengkaji sebelum ini. Pada tahun 2018, terdapat kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Nizho Abd Rahman bertajuk “Antara Fatwa dan Petua dalam Masyarakat Melayu: Satu Penilaian”. Kajian beliau yang menggunakan pendekatan kualitatif mendapati bahawa kecenderungan pengamalan petua oleh masyarakat Melayu lebih tinggi berbanding pengamalan fatwa. Walaupun masyarakat Melayu menghormati fatwa, petua mendapat tempat yang istimewa kerana sensitiviti turun temurun dan kekeliruan mereka terhadap tuntutan agama yang sebenar.

Selain itu, pada tahun 2021, Rosidi *et al.* telah menulis sebuah artikel jurnal bertajuk “Penerimaan Fatwa dalam Kalangan Masyarakat Muslim Malaysia: Kajian Empirikal”. Kajian mereka yang menggunakan pendekatan kualitatif telah menganalisis secara deskriptif bahan-bahan kajian lepas yang berkaitan dengan tahap penerimaan fatwa dalam masyarakat. Hasil kajian telah mendapati bahawa secara umumnya tahap penerimaan masyarakat muslim terhadap fatwa masih berada pada tahap yang rendah. Pengkaji telah menggaris tiga faktor utama yang mendorong kepada penemuan tersebut, iaitu penulisan, penjelasan dan penyampaian fatwa masih sederhana dan lemah. Justeru, pengkaji telah mencadangkan langkah penambahbaikan seperti pemerkasaan penggunaan teknologi dan kajian-kajian lanjutan.

Walaupun kajian-kajian tersebut menunjukkan reaksi negatif masyarakat terhadap fatwa, terdapat juga kajian-kajian yang memperlihatkan hasil yang sebaliknya. Hal tersebut dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Nuang & Che Rosli pada tahun 2017. Mereka telah mengkaji tentang latar belakang perundangan fatwa, pengurusan dan pentadbiran Malaysia dengan memberikan fokus kepada beberapa fatwa yang telah diwartakan di negeri Selangor. Kajian adalah bertujuan untuk menentukan penerimaan masyarakat terhadap fatwa dengan menggunakan pelajar sebagai sampel kajian. Melalui penggunaan instrumen soal selidik, kajian ini akan mengkaji kefahaman dan penerimaan penduduk Selangor terhadap beberapa fatwa yang telah diwartakan. Hasil kajian mendapati bahawa hampir 70 peratus memahami dan bersetuju dengan fatwa-fatwa yang telah diwartakan. Penerimaan terhadap fatwa-fatwa tersebut didapati hasil daripada penerangan dan perluasan maklumat melalui medium internet.

Sebuah lagi kajian yang menunjukkan dapatan hampir sama adalah kajian yang dilakukan oleh Shamsudin et. al pada tahun 2018. Kajian yang bertajuk “Penerimaan Media Atas Talian Sebagai Medium Penyampaian Fatwa dalam Kalangan Masyarakat Muslim Selangor: Satu Tinjauan Awal”. Kajian yang menggunakan pendekatan kuantitatif ini telah dijalankan kepada 30 orang responden secara *‘pilot study’*. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat menganggap media atas talian sebagai cara yang paling berkesan untuk menyampaikan fatwa di Selangor. Laman web adalah sumber atas talian yang paling berkesan dan berguna untuk mendapatkan maklumat mengenai fatwa Selangor secara khusus dan di Malaysia secara umumnya. Namun begitu, hanya sebilangan kecil responden yang benar-benar tahu atau cakna tentang fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor. Kebanyakan mereka tidaklah mengikuti perubahan terkini dalam fatwa di negeri Selangor tersebut. Walaupun terdapat beberapa perbincangan berbeza dilakukan oleh para pengkaji berikut, isi penting dan utama yang disepakati mereka menunjukkan bahawa sistem penyampaian maklumat fatwa yang cepat dan berkesan boleh membantu masyarakat memahami dan menerima fatwa dengan lebih baik pada masa kini. Berdasarkan kajian-kajian keberkesanan tersebut, dapat dilihat kesemuanya mempunyai perkaitan dengan kajian yang sedang dilaksanakan oleh pengkaji. Namun begitu, kajian pengkaji memberikan penekanan kepada fiqh media dalam penyampaian jawapan hukum di media massa, bukan memfokuskan kepada keberkesanan hukum semata-mata.

Kajian Berkaitan Jawapan Hukum di Media Massa

Menyorot literatur lepas, kajian-kajian berkaitan jawapan hukum di Malaysia tidak banyak ditemui oleh pengkaji. Berbanding kajian berkaitan bidang fatwa yang lebih meluas, kajian berkaitan jawapan hukum atau soal jawab agama masih kurang dilaksanakan. Antara kajian terawal yang ditemui oleh pengkaji adalah kajian berbentuk disertasi yang dilakukan oleh Muhd Imran Abd Razak pada tahun 2013. Disertasi di peringkat Sarjana tersebut bertajuk “Metode Jawapan Hukum dalam Ruangan Soal Jawab Agama Akhbar Harian Metro Tahun 2010.” Razak dalam kajian tersebut telah menganalisis jawapan-jawapan hukum para panelis soal jawab agama sebuah akhbar dari pelbagai sudut seperti rujukan yang digunakan, pendekatan menjawab, latar belakang panelis dan lain-lain. Hasil kajian mendapati bahawa para penelis secara umumnya telah menjawab persoalan agama dengan baik kerana bersifat fardu ain. Namun begitu, terdapat juga beberapa kesalahan serta kekurangan ditemukan yang berpunca daripada salah faham soalan serta latar belakang panelis. Kajian ini dilihat hampir dengan kajian pengkaji, namun begitu pengkaji lebih memfokuskan kepada pembinaan model penyampaian jawapan hukum serta meluaskan skop kajian terhadap media massa.

Sebuah lagi penulisan lepas berkaitan jawapan hukum ditemui dalam laman sesawang rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan bertarikh 1 Jun 2019. Dalam ruangan Bayan Linas Siri Ke-179 yang bertajuk “Metodologi Jawapan Hukum dan Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan”, Mufti Wilayah ketika itu menjelaskan tentang metodologi yang telah digunakan oleh beliau dan para pegawai Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam menyampaikan jawapan hukum kepada persoalan yang diajukan oleh masyarakat. Penulisan tersebut menjelaskan bahawa metodologi penyampaian jawapan hukum mempunyai perkaitan secara langsung dengan metodologi berfatwa dan kedua-duanya memerlukan kefahaman yang betul serta pendekatan yang tepat. Menurut artikel tersebut, metodologi yang disusun bagi penyampaian jawapan hukum adalah berpanduan *waqi* (realiti) dan kefahaman terhadap kehendak Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Secara umumnya, penulisan tersebut memang mempunyai perkaitan yang rapat dengan kajian yang sedang dilakukan oleh pengkaji. Namun begitu, penulisan tersebut hanya memfokuskan tentang metodologi penyampaian jawapan hukum sebagai sebuah institusi yang berautoriti, iaitu Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dan ianya diterbitkan dalam laman sesawang jabatan. Manakala model yang dibangunkan pengkaji adalah kajian yang mencakupi media massa yang lebih luas dan pelbagai seperti akhbar, radio dan televisyen. Selain itu, ia melibatkan para penulis dalam kalangan agamawan yang dipilih badan penyiaran, bukan institusi atau autoriti agama seperti mufti rasmi yang dilantik oleh pemerintah.

Kesimpulan

Berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas tersebut, dapat dirumuskan bahawa kajian mengenai prospek media sebagai medium dakwah banyak dilakukan kerana peranan pentingnya dalam menyampaikan informasi yang adil dan benar, menangkis propaganda negatif, serta mempromosikan dakwah Islamiah kepada masyarakat. Selain itu, kajian-kajian lepas juga membahaskan tentang kedudukan media sebagai medium yang menerima dan menyampaikan maklumat perlu. Turut menjadi tumpuan kajian-kajian berkaitan media di Malaysia adalah kajian menurut perspektif ilmu Syariah. Turut tidak terkecuali, kajian tentang teori komunikasi Islam turut banyak dilaksanakan dengan menyentuh soal sejarah dan latar belakang, autoriti dan perundangan, pengurusan dan pentadbiran, keberkesanan, metodologi-metodologi umum dan khusus. Daripada sudut kajian metodologi fatwa pula, Kajian-kajian lepas tentang berkaitan fatwa dan metodologinya juga banyak dilaksanakan dengan penelitian terhadap sumber, instrument-instrumen ijtihad serta pengurusan penyampaian fatwa termasuk melalui media. Terakhir, kajian yang khusus berkaitan jawapan hukum dalam media massa turut pernah dilaksanakan namun masih terhad dan memerlukan kepada kajian yang lebih terperinci serta skop yang relevan. Justeru, kajian ini mengisi ruang kosong kajian berkaitan model pembinaan *fiqh al- i'lam* yang berfokus kepada penyampaian jawapan hukum ruangan soal jawab agama media massa di Malaysia.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian daripada dapatan Geran Insentif Penyeliaan (GIP): RD/47/036/2024 bertajuk “Model *Fiqh al-I'lam* dalam Penyampaian Jawapan Hukum Ruangan Soal Jawab Agama Media Massa di Malaysia.” Para pengkaji merakamkan ucapan penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA yang telah menganugerahkan geran tersebut.

Rujukan

- Abdul Halim, Z. Z., Azmi, D. S., & Jasmi, K. A. (2019, December 15). *Media sosial dan trend penggunaan menurut Islam*. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM, 1–16.
- Abdullah, B., Ibrahim, A. Q., Ismail, A. F., & Latif, M. N. F. A. (2022). Dakwah digital dalam perkembangan Islam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(3), 58–64.
- Abdullah, R. (2004). *Fatwa dan masyarakat*. Dalam A. H. Buang (Pnyt.), *Fatwa di Malaysia* (hlm. 142–162). Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya.
- Ahmad, A. B., Haron, M. S., & Musa, N. Y. (2009). Kebebasan media komunikasi menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari*, 2, 65–82.
- Azizan, N. I., Ismail, N. I., Zin, S. M. M., & Zainuddin, N. F. (2021). Cabaran membentuk akhlak remaja melalui persekitaran sosial dan perkembangan teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 118–129.
- Bowen, G. A. (2019). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40.
- Halim, H. A., Rahman, A. A., & Ismail, A. M. (2019). Amalan dan kaedah pengeluaran fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan: Analisis awal. *Journal of Fatwa Management and Research, Special edition*, 1–15.
- Hamat, W. N. W., Hussin, Z., Yusoff, A. F. M., & Sapar, A. A. (2013). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 17–27.
- Haronzah, M. F., Mani, I., & Wan Embong, W. H. (2019, December 15). Media sosial dan Facebook menurut Islam. Dalam K. A. Jasmi (Pnyt.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (hlm. 257–276). Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Ibrahim, A., Noh, A. M. M., Jelani, A. B., & Noor, S. A. M. (2019). Pelaksanaan ijihad kolektif di Malaysia. *Asian People Journal*, 2(2), 58–69.
- Jensani, M. K. N., Eswaran, K., & Sulaiman Shakib, M. N. (2019, December 15). Media sosial dan pembentukan budaya menurut Islam. Dalam K. A. Jasmi (Pnyt.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (hlm. 177–194). Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Junoh, M. N. H. (2003). *Analisis pendekatan ijihad dalam fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya].
- Kasan, H. (2008). *Institusi fatwa di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khiabany, G. (2003). De-westernizing media theory, or reverse orientalism: 'Islam communication' as theorized by Hamid Mowlana. *Media, Culture & Society*, 25, 415–432.
- Ludin, N. A. (2004). *Fatwa Jawatankuasa Fatwa Majlis Agama Islam Negeri Kedah: Analisis terhadap fatwa mu'amalat* [Latihan Ilmiah, Universiti Malaya].
- Malik, N. H. M. A. M., Mohamad, N. A., Rahman, M. A. M. A., & Johori, M. R. (2013, October 8). Media massa: Strategi dakwah dalam menghadapi peperangan maklumat. *Prosiding Bicara Dakwah Kali ke-14*.
- Manaf, A. M. A. (2018). Dakwah melalui media baharu di Malaysia: Peluang atau cabaran? *Jurnal Al-Hikmah*, 10(1), 119–128.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass.
- Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., & Talib, M. N. M. (2023). Peranan media digital dalam dakwah kontemporari bagi membentuk kesepaduan nasional masyarakat di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(31), 47–60.

- Mowlana, H. (1989). Communication and cultural settings: An Islamic perspective. *The Bulletin of the Institute of Communications Research*, Keio University, Japan.
- Mowlana, H. (1996). *Global communication in transition: The end of diversity?* Sage.
- Nor Jefri, N. I., Shaharin, N. S., & Jasmi, K. A. (2019, December 15). Media sosial dan pembentukan masyarakat menurut Islam. Dalam *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)* (hlm. 157–176). Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Othman, S. S., Tiung, L. K., & Nayan, L. M. (2021). Pembinaan model pemberitaan Islam di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo*, 9(4), 66–76.
- Rahim, R. A. A., et al. (2009). Ijtihad dalam institusi fatwa di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Syariah*, 17(1), 197–198.
- Rahman, N. N. A. (2002). Ruang ijtihad dalam amalan fatwa di Malaysia: Sorotan dari sudut pentadbiran. *Jurnal Syariah*, 10.
- Rahman, N. N. A., & Dahaman, M. A. (2009, December 10–11). Pengaruh keperluan semasa dan setempat dalam fatwa: Faktor-faktor pengubah dalam konteks Malaysia dan Singapura. Kertas kerja dibentangkan di *Simposium Kebangsaan Fiqh Sains dan Teknologi*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rahman, N. N. A., & Junoh, M. N. H. (2003). Pendekatan ijtihad tarjihi dalam amalan fatwa Jemaah Ulama Negeri Kelantan: Rujukan kepada fatwa-fatwa 1990-an. *Jurnal Syariah*, 11.
- Razak, M. I. A. (2013). *Metode jawapan hukum dalam ruangan soal jawab agama Akhbar Harian Metro tahun 2010* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya].
- Rosidi, M. H., Mokhtar, A. W., & Abdul Majid, M. N. (2022). Penerimaan fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Malaysia: Kajian empirikal. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 59–81.
- Semati, M. (2011). Communication, culture and the essentialized Islam. *Communication Studies*, 62(1), 113–126.
- Shamsudin, S. N., Mohd Subri, I., & Mohd Dali, N. R. S. (2018). Penerimaan media atas talian sebagai medium penyampaian fatwa dalam kalangan masyarakat Muslim Selangor: Satu tinjauan awal. *Journal of Fatwa Management and Research*, 10(1), 73–88.
- Shamsudin, S. N., Subri, I. M., & Mohd, N. R. S. (2015). Penggunaan media baharu sebagai wasilah penyampaian fatwa kepada masyarakat: Kajian awal di Negeri Selangor. *eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis) 2015*, 1–6.
- Taha, M. M. (2006). *Pendekatan ijtihad dalam fatwa Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya].
- Wahab, N. A., Muhamad, N., & Ismail, M. S. (2019). Media sosial sebagai medium dakwah masa kini. *International Social Science and Humanities Journal*, 2(1), 14–23.
- Yin, R. K. (2016). *Qualitative research from start to finish* (2nd ed.). The Guilford Press.
- Yunus, A. H. Y. (1991). *Ijtihad dan amalannya dalam pembinaan fatwa di Malaysia* [Disertasi Sarjana, Universiti Malaya].
- Zakaria, M. H. (2004). *Analisis fatwa-fatwa muamalat semasa dari tahun 1980 hingga sekarang: Kajian terhadap fatwa Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur* [Latihan Ilmiah, Universiti Malaya].